

17 OCT 1998

Samy-Perutusan

PERTAHANKAN KEDAULATAN MALAYSIA, KATA SAMY VELLU

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu berkata sudah tiba masanya bagi rakyat Malaysia bersatu padu dan mempertahankan kedaulatan negara sepenuhnya daripada dilemahkan oleh elemen-elemen asing tertentu.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata dengan ekonomi yang semakin kuat memperlihatkan tanda-tanda pemulihan, orang ramai harus turut sama di belakang kerajaan untuk menghalang sebarang percubaan mensabotaj ekonomi dan memusnahkan keamanan dan keharmonian yang dikecapi negara.

"Kita tidak boleh membenarkan orang asing ini (spekulator mata wang) mencuri kekayaan negara kita sekali lagi. Semua rakyat Malaysia, muda dan tua, kini mesti bangun mempertahankan negara kita daripada sebarang kuasa jahat," katanya dalam perutusan Deepavali beliau.

Deepavali atau Perayaan Lampu akan disambut pada Isnin. Berdasarkan mitologi Hindu, cerita yang paling popular mengenai Deepavali ialah pembunuhan syaitan yang jahat Raja Narakasuran oleh Krishna dan permaisurinya Satyabama.

Samy Vellu berkata orang ramai harus mengetepikan perbezaan-perbezaan mereka dan bersatu padu bagi menghalang kuasa-kuasa jahat daripada dalam dan luar negara.

Beliau menggesa semua kaum India penganut agama Hindu supaya menyambut Deepavali dengan menyalakan lampu minyak sebagai menunjukkan sokongan dan cinta mereka kepada negara.

Samy Vellu berkata orang ramai tidak seharusnya membiarkan diri mereka terperdaya atau tertipu dengan laporan-laporan palsu oleh media asing atau di Internet.

"Kita tidak harus terbawa-bawa dengan laporan itu. Kita tidak boleh membiarkan emosi kita menguasai kita," katanya.

Samy Vellu berkata langkah-langkah ekonomi yang diperkenalkan kerajaan baru-baru ini telah memberikan hasil yang bermakna dalam meletakkan kembali ekonomi pada landasannya.

"Kini kita harus terus memberikan sokongan penuh kepada kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengemudi negara ke arah pemulihan segera," katanya.

Samy Vellu juga berkata beliau sedar terdapat perubahan dalam sikap orang ramai dari segi komitmen mereka mewujudkan "Bangsa Malaysia".

"Saya lihat bahawa semasa sambutan pelbagai perayaan seperti Deepavali, semua kaum akan membeli-belah seolah-olah seluruh rakyat Malaysia akan menyambut Deepavali. Perkara yang sama terjadi semasa Hari Raya dan Tahun Baru Cina," katanya.

Katanya rakyat Malaysia dikagumi negara-negara lain kerana semua kaum saling bersatu-padu dan bekerjasama dan banyak dari kalangan orang asing termasuk pemimpin-pemimpin dunia mengakui kenyataan ini.

"Kita makan, bekerja dan hidup bersama. Inilah budaya kita. Inilah matlamat kita. Jadi marilah kita sama-sama meneruskan semangat ini," katanya.

Sehubungan itu beliau menggesa penganut agama Hindu di Malaysia mengadakan "rumah terbuka" sempena Deepavali bagi menghidupkan semangat setiakawan yang telah meletakkan Malaysia di tempatnya sekarang.

Beliau turut menggesa orang ramai agar berjimat-cermat dalam berbelanja semasa negara dalam proses pemulihan ekonomi.

-- BERNAMA

ES RHM RON